

Penyampai : TAN SRI ABDUL HALIM BIN ALI  
Tajuk : MAJLIS PENYAMPAIAN ANUGERAH PERKHIDMATAN CEMERLANG JABATAN  
PERDANA MENTERI TAHUN 1997  
Lokasi : PUSAT ISLAM, KUALA LUMPUR  
Tarikh : 03-07-1998

Terlebih dahulu saya ingin mengucapkan setinggi-tinggi terima kasih kepada Yang Amat Berhormat Dato Seri Dr. Mahathir Mohamad, Perdana Menteri, kerana sudi meluangkan masa pada pagi ini untuk bersama-sama kita dalam Majlis Penyampaian Anugerah Perkhidmatan Cemerlang, Jabatan Perdana Menteri bagi tahun 1997.

Kehadiran Yang Amat Berhormat Dato Seri di dalam majlis ini merupakan suatu kebanggaan dan penghormatan kepada seluruh warga Jabatan Perdana Menteri.

2. Pada hari ini, Jabatan Perdana Menteri meraikan 90 orang anggota yang telah berjaya mendapat pergerakan gaji secara melintang, serta 137 orang anggota yang mendapat pergerakan gaji secara menegak. Mereka ini mewakili 33 unit, bahagian dan agensi dan merupakan 5% daripada jumlah keseluruhan kakitangan di bawah jabatan-jabatan yang terlibat. Mereka ini dipilih berasaskan prestasi dan hasil kerja mereka yang cemerlang sepanjang tahun 1997. Pemilihan ini bukanlah mudah dibuat kerana ramai yang menunjukkan prestasi serta pencapaian yang tinggi. Ini mencerminkan bahawa Gerakan Budaya Cemerlang dalam Perkhidmatan Awam telah berhasil meningkatkan kesedaran serta komitmen pegawai-pegawai terhadap peningkatan prestasi dan kualiti dalam Perkhidmatan Awam. Anggota-anggota Perkhidmatan Awam sentiasa diperingatkan bahawa sungguhpun banyak kemajuan telah dicapai dalam usaha meningkatkan mutu kerja dan produktiviti sejak usaha-usaha pembaharuan dilaksanakan pada awal tahun 80 an, namun tidak siapa boleh berpuas hati dan terus berhenti dari memperbaiki sistem kerja dan prestasi masing-masing. Peningkatan mutu kerja dan produktiviti adalah satu perjuangan yang berterusan dan tidak ada batas waktu. Oleh itu Perkhidmatan Awam negara ini berazam untuk meneruskan usaha-usaha pembaharuan dan penambahbaikan supaya ia benar-benar unggul dan mencapai taraf world-class dalam ertikata kepakaran, keberkesanan serta kebolehan Perkhidmatan Awam kita adalah setanding dengan Perkhidmatan Awam negara-negara lain yang terbaik di dunia.

YAB Dato Seri, Tuan-Tuan dan Puan-Puan sekalian,

3. Anggota-anggota Perkhidmatan Awam kita sedar tentang cabaran yang kita hadapi akibat landaan arus globalisasi. Arus ini dijangka akan menjadi lebih kencang dan hebat di tahun-tahun akan datang. Untuk menghadapi cabaran ini, negara memerlukan satu Perkhidmatan Awam yang cekap dan dapat menyesuaikan diri dengan persekitaran baru yang dibawa masuk oleh arus globalisasi ini. Kalau tidak, tidak mungkin Perkhidmatan Awam dapat membantu negara menghadapi saingan dengan negara-negara lain bagi menarik pelaburan baru, serta perkhidmatan baru yang dapat membangun ekonomi negara di abad yang akan datang. Dalam hal ini, harapan saya adalah supaya Jabatan Perdana Menteri menjadi contoh dan teladan kepada jabatan-jabatan lain dalam usaha meningkatkan mutu kerja dan produktiviti.

4. Usaha-usaha untuk melaksanakan sistem electronic government dan sistem jaminan Kualiti MS ISO 9000 sedang berjalan lancar, berkat kerjasama semua pegawai. Insya Allah, projek-projek ini dapat disiapkan mengikut jadual. Saya berharap dalam melaksanakan inisiatif baru ini pegawai-pegawai tidak lupa pula kepada peraturan dan sistem-sistem yang telah lama diperkenalkan tetapi masih relevan dan berguna seperti, fail meja, manual prosidur kerja dan sebagainya.

5. Perkhidmatan Awam sedar bahawa negara kita sekarang ini sedang menghadapi kegawatan ekonomi. Sungguhpun jabatan-jabatan Kerajaan terpaksa menerima potongan peruntukan, ini tidak akan menjadi halangan kepada usaha-usaha peningkatan mutu dan prestasi kerja. Saya ingin mengambil kesempatan ini, bagi pihak semua anggota Perkhidmatan Awam, untuk melafazkan sokongan yang tidak berbelah bagi dalam memberi segala kerjasama dan sokongan kepada Kerajaan untuk menghadapi cabaran yang sedang dihadapi. Kami akan membantu sedaya upaya supaya usaha Kerajaan memulihkan ekonomi

negara berjaya sepenuhnya.

6. Akhir sekali, saya ingin merakamkan ucapan syabas dan tahniah kepada semua mereka yang menerima Anugerah Khidmat Cemerlang pada pagi yang berbahagia ini. Saya harap mereka akan meneruskan khidmat Cemerlang ini demi kepentingan Jabatan dan negara. Saya ingin juga, sekali lagi mengucapkan ribuan terima kasih kepada Y.A.B.

Perdana Menteri, kerana sudi menghadiri Majlis, memberi ucapan dan seterusnya menyampaikan Anugerah Perkhidmatan Cemerlang.